

26 MAY 2002
Citrawarna-Perarakan/I
AGONG LANCAR CITRAWARNA MALAYSIA 2002

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Keunikan warisan dan kebudayaan Malaysia telah mempersonakan rakyat tempatan dan pelancong apabila jalan-jalan di Kuala Lumpur bertukar menjadi pentas bagi perarakan Citrawarna Malaysia yang gilang gemilang malam ini.

Acara itu adalah pembuka tirai Bulan Citrawarna Malaysia 2002 yang dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Dataran Merdeka malam ini.

Beribu-ribu orang membanjiri dataran itu, pentas utama perarakan itu, sejak petang lagi bagi menyaksikan perarakan penuh meriah itu yang turut ditonton oleh berjuta rakyat Malaysia kerana ia disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Kira-kira 5,200 penari dari 18 kumpulan kebudayaan pelbagai etnik yang mengenakan pakaian tradisional menari dengan iringan muzik tradisional Melayu, Cina, India dan kumpulan etnik lain sepanjang perarakan bertema "Asal-Usul Negeri" itu.

Yang turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menteri-menteri Kabinet dan para duta dan diplomat asing.

Perarakan itu merupakan satu daripada acara rasmi yang diadakan sempena sambutan hari keputeraan Tuanku Syed Sirajuddin, yang ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-12 pada 25 April.

Seri Paduka berdua tiba di Dataran Merdeka dengan menaiki kereta kuda berhias dan disambut di pentas utama oleh Dr Mahathir.

Sejurus selepas Tuanku Syed Sirajuddin mengisytiharkan pelancaran Bulan Citrawarna Malaysia 2002, bunga api menghiasi ruang udara dengan diringi oleh paluan gendang dan kompang.

Penyanyi popular tanah air Siti Nurhaliza memulakan sambutan acara itu dengan persembahan nyanyian beberapa lagu tradisional sambil diiringi penari di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad yang bermandikan cahaya yang menjadi latar belakang acara itu.

Dari Dataran Merdeka, perarakan itu bergerak ke Jalan Raja Laut dan Jalan Isfahan sebelum berakhir di Jalan Tuanku Abdul Rahman, meliputi jarak sejauh 1.5km.

Sepuluh skrin video diletakkan di lokasi strategik di sepanjang laluan perarakan itu bagi membolehkan orang ramai menyaksikan upacara itu.

Citrawarna Malaysia, acara kebudayaan dan tradisional Malaysia, bertujuan mempromosikan negara kepada pelancong tempatan dan luar negara.

Acara selama sebulan yang berakhir 25 Jun, memberi peluang kepada pelancong tempatan dan asing menyaksikan 56 acara kebudayaan dan kesenian yang disenaraikan akan diadakan di seluruh negara.

Antara acara kemuncak ialah persembahan kebudayaan, pameran kraftangan, persembahan muzik, permainan tradisional, masakan tempatan dan pakaian tradisional.

Edisi keempat Citrawarna Malaysia -- pertama kali diadakan pada 1999 -- turut mendapat liputan terbesar dengan 77 stesen televisyen dari seluruh dunia melibatkan 263 krew berada di bandaraya ini bagi merakamkan acara berwarna-warni itu.

Mereka menyertai hampir 2,500 warga asing yang dijemput khas serta 224 wartawan antarabangsa dan penulis pelancongan.

Dalam ucapannya, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata: "Percayalah, anda sedang melawat

sebuah negara yang unik dan istimewa, sebuah daripada negara paling berwarna-warni di dunia.

"Kami telah memberikan tema "Truly Asia" kepada negara kami. Perarakan pada malam ini akan memperlihatkan keadaan itu kepada anda -- kami adalah jiwa dan intipati Asia, destinasi semua dalam satu Asia."

Beliau berkata rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan kumpulan etnik berazam untuk terus memulihara perpaduan negara.

"Ia merupakan komitmen dan sumbangan kami kepada dunia -- untuk membuktikannya -- mengenai bagaimana dengan sedikit tolak ansur, semangat setiakawan yang ikhlas, malahan sebuah negara seperti Malaysia yang dipenuhi dengan kepelbagaian, emosi dan sensitiviti masih boleh kekal gembira, bersatu padu dan makmur.

Abdul Kadir berkata perarakan itu merupakan satu peluang untuk mempamerkan kehebatan bangsa Malaysia ke seluruh dunia.

Beliau juga memberi jaminan bahawa semua pihak yang terlibat dalam industri pelancong akan melayan pelancong ke negara ini seperti mana mereka melayan tetamu di rumah mereka sendiri.

-- BERNAMA
MAM NM RHM